

ADAT DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT  
PERPATIH DI JOHOL, NEGERI SEMBILAN

HASNI BINTI HASHIM

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANAMUDA PENGAJIAN ISLAM  
DENGAN KEPUJIAN

JABATAN SYARI'AH  
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI SELANGOR

1992/93

TELAH DIFILEMKAN


SM...../292.....

UM.....

## PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

30 April 1993

  
.....  
(HASNI BINTI HASHIM)

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillahi Rabbil 'alamin, segala puji-pujian ke hadrat Allah SubhanaAllahu wa Ta'ala, selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w..

Terlebih dahulu, penghargaan ini ditujukan kepada semua tenaga pengajar Fakulti Pengajian Islam terutama dari Jabatan Syariah yang telah banyak memberikan bimbingan dan ilmu pengetahuan kepada penulis selama tempoh pengajian ini. Jutaan terima kasih kepada mereka dan Insya Allah segala tunjuk ajar serta bimbingan mereka akan menjadi panduan yang amat berguna pada penulis dalam menghadapi masyarakat umum.

Setinggi-tinggi penghargaan khas kepada Prof. Madya Dr. Ismail Mat yang banyak membantu, memberikan teguran dan nasihat serta tidak keberatan memberikan pendapat juga komentar yang membina. Terima kasih tidak terhingga atas kesabarannya dan dorongan yang diberikan dalam menjayakan latihan ilmiah ini.

Teristimewa buat ayahanda dan bonda yang dikasihi, Hashim bin Yusoff dan Hasnah binti Md. Din, terima kasih atas segala pengorbanan, sokongan dan

dorongan yang diberikan selama ini. Insya Allah, segala pengorbanan dan harapan mereka tidak akan dipersia-siakan ..... Kepada adik-adik yang disayangi, Halim, Hisham dan Fazaitul, semoga usaha ini menjadi pendorong kepada mereka.

Tidak ketinggalan juga penghargaan ini ditujukan khas kepada Mak Long, Napsiah binti Md din, ahli keluarga yang lain, teman-teman dan mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam membantu penulis baik dari segi idea dan komentar sepanjang menjayakan penulisan ini.

Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala kebaikan dan bakti yang dicurahkan. Semoga Allah memberkati dan merestui segala apa yang kita lakukan selama ini. Amin.

Salam hormat,

Hasni Binti Hashim,  
348, Felda Cempaka Jengka Dua,  
26400 Bandar Pusat Jengka,  
Pahang Darul Makmur

## SINOPSIS

Adat merupakan satu gambaran kehidupan bagi sesuatu masyarakat. Dalam perbincangan tentang adat, tumpuan perbincangan diberikan kepada persoalan adat Perpatih di daerah Johol, Negeri Sembilan. Oleh kerana terdapat banyak adat yang diamalkan dalam masyarakat ini maka penekanan diberikan kepada adat-istiadat dalam perkahwinan dan beberapa adat lain yang pernah diamalkan suatu masa dahulu oleh masyarakat adat Perpatih di Johol. Dalam analisis ini, pendekatan perbandingan digunakan untuk menunjukkan perbezaan dan penerusan adat lama dalam amalan masyarakat berkenaan. Untuk tujuan ini beberapa amalan dan upacara adat tertentu tentang perkahwinan juga dinyatakan. Ia melibatkan persoalan-persoalan tentang proses pertunangan dan perkahwinan sama ada perkahwinan yang dibolehkan atau sebaliknya. Analisis juga menyentuh tentang adat-adat lain seperti adat mendiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat bérpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Sebelum penutup, perbincangan ditumpukan kepada persoalan kedudukan wanita dalam amalan masyarakat Perpatih dan pandangan umum masyarakat Johol tentang adat Perpatih yang diamalkan menurut penilaian mereka sekarang.

## JADUAL KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
HALAMAN JUDUL.	
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iv
KANDUNGAN	v
SISTEM TRANSLITERASI	vii
SENARAI SINGKATAN	xi
PENDAHULUAN	xii
BAB I: LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Asal-Usul Johol Dan Pengaruh Adat Perpatih Di Johol	1
1.2 Kehidupan Masyarakat Perpatih Di Johol	9
1.3 Bentuk-Bentuk Adat Dalam Masyarakat Johol	19
1.4 Penutup	26
BAB II: ADAT PERKAHWINAN	
2.0 Pendahuluan	27
2.1 Adat Perkahwinan Di Johol	27
2.1.1 Merisik Dan Bertunang	28

Halaman

2.2 Berkayu Akar Atau Istiadat Berkampung	36
2.3 Perkahwinan	41
2.4 Perkahwinan Yang Dibolehkan Dan Tidak Dibolehkan	53
2.5 Penutup	63

**BAB III: ADAT-ADAT LAIN**

3.0 Pendahuluan	64
3.1 Adat Mendiri Rumah	64
3.2 Adat Bersawah Padi	69
3.2.1 Adat Beratib Jalan	71
3.2.2 Adat Berpuar	74
3.2.3 Adat Tekachi	77
3.3 Adat Berkedim	80
3.4 Penutup	84

**BAB IV: MASYARAKAT PERPATIH DI JOHOL**

4.0 Pendahuluan	85
4.1 Keistimewaan Wanita Dalam Adat Perpatih	85
4.2 Pandangan Masyarakat Tentang Adat	92
4.2.1 Penutup	99
4.3 Kesimpulan	100

**BIBLIOGRAFI**

112

**LAMPIRAN**

## Vokal

### Vokal Pendek

a /

i /

u /

### Vokal Panjang

a | /

i ɔ | /

u ɔ | /

### Diftong

ay, ɔ | /

aw ɔ | /

## VOKAL PENDEK

### Contoh

Vokal a : فَعْلٌ =

Vokal i : فَعِيلٌ =

Vokal u : فَعُولٌ =

### Transliterasi

fa<sup>c</sup>ala

fa<sup>c</sup>ila

fa<sup>c</sup>ula

## VOKAL PANJANG

Vokal Panjang a

فَاعْلٌ = fa<sup>-c</sup>ala

Vokal panjang i

فَاعِيلٌ = fa<sup>c</sup>il

Vokal panjang u

فَاعُولٌ = fa<sup>c</sup>ul

Huruf Arab    Huruf Latin    Contoh Asal    Contoh Transliterasi

د	d	دَمِير	damir
ط	t	طَالِب	talib
ظ	z	ظَهْر	zuhr
ع	c	عَالِم	cālim
غ	gh	غَيْب	ghayb
ف	f	فَقْه	fiqh
ق	q	قَادِي	qādī
ك	k	كَابُن	ka's
ل	l	لَبَان	iaban
م	m	مِزْمَار	mizmār
ن	n	نِيَّة	niyyah
ه	h	هَبَاتَا	habata
و	w	وَبَار	wabar
ي	y	يَسِين	yasin

**SENARAI SINGKATAN**

Bhd.	Berhad
Bil.	Bilangan
Cet.	Cetakan
Hlm.	Halaman
Ibid	Di tempat yang sama
PMS	Papers on Malay Subject
Pnys.	Penyusur
t. t.	Tanpa tahun

## PENDAHULUAN

### 1. Permasalahan

Adat memainkan peranan yang penting dalam masyarakat kerana sesbuah masyarakat itu dikenali melalui adat yang diamalkan. Di Johol, amalan adat Perpatih telah lama bertapak melalui usaha pemimpinnya yang berasal dari Minangkabau. Masyarakat ini mengalami beberapa peringkat perubahan kesan dari pengaruh luar seperti animisme, dan Hinduisme sebelum adat Perpatih berakar umbi di sana. Perubahan yang amat ketara ialah kemasukan nilai-nilai Islam hasil dari proses Islamisasi di rantau ini.

Dalam amalan anggota masyarakat Perpatih di Johol, terdapat beberapa adat lama yang sebahagiannya telah pupus seperti adat mendiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Di samping itu, beberapa upacara tertentu dalam perkahwinan masih diteruskan manakala sebahagian yang lain telah pupus.

Melalui kajian ini penulis cuba memaparkan beberapa bentuk adat yang diamalkan oleh sebahagian dari masyarakat Perpatih di Johol dan sebagai perbandingan cuba membezakannya dengan bentuk-bentuk adat lama yang telah pupus. Adat Perpatih meletakkan wanita

dalam kedudukan yang unik terutama menyentuh soal perwarisan pusaka. Persoalan-persoalan tersebut merupakan persoalan penting yang mendapat perhatian penulis dalam kajian ini.

## 2. Kajian Masa Lalu

Kajian tentang adat Perpatih memang banyak dilakukan oleh penulis-penulis baik penulis dalam maupun luar negeri. Namun kajian tentang adat resam yang diamalkan oleh masyarakat Perpatih amat kurang dibukukan. Penulisan tentang adat resam ini kalaupun ada mungkin dalam bidang-bidang yang terhad seperti perkahwinan dan sistem perwarisan pusaka, sedangkan adat-adat resam yang lain yang pernah diamalkan suatu ketika dahulu oleh masyarakat Perpatih di Johol hampir tidak ditemui lagi.

Beberapa penulis pernah menulis tentang adat Perpatih, antaranya ialah Abd. Rahman bin Haji Muhammed dalam bukunya, "Dasar-Dasar Adat Perpatih".<sup>1</sup> Dalam tulisannya beliau menulis tentang kehidupan masyarakat Perpatih dan adat perkahwinan secara menyeluruh. Buku "Adat Perpatih Dan Adat-Istiadat Masyarakat Malaysia",<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Abd. Rahman bin Haji Muhammed, Dasar-Dasar Adat Perpatih, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1964).

<sup>2</sup> Mokhtar bin Haji Md Dom, Adat Perpatih Dan Adat-Istiadat Masyarakat Malaysia, Federal Publication, Kuala Lumpur, 1977

oleh Haji Mokhtar bin Haji Md Dom menceritakan asal-usul adat Perpatih, bentuk-bentuk adat dalam masyarakat tersebut, pertalian antara suku-suku dan sistem perwarisan pusaka kepada perempuan tetapi tidak dijelaskan secara terperinci mengenainya. Nordin Selat dalam bukunya, "Sistem Sosial Adat Perpatih",<sup>1</sup> turut memberikan analisis umum tentang kedudukan wanita dalam sistem perwarisan, perkahwinan yang dibolehkan dan tidak dibolehkan. Begitu juga, Abdullah Siddik dalam bukunya, "Pengantar Undang-Undang Adat",<sup>2</sup> juga menjelaskan tentang adat Perpatih dan bentuk-bentuk adat yang terdapat di dalamnya secara keseluruhan sahaja tanpa penerangan yang jelas dan terperinci terutama dalam perkahwinan dan kedudukan wanita dalam adat tersebut.

Kebanyakan buku tersebut hanya menyentuh tentang adat dalam perkahwinan atau sistem perwarisan tetapi adat-adat lain terutamanya adat-adat yang lama dan telah pupus tidak lagi mendapat perhatian kebanyakan penulis. Memandangkan kekurangan hasil-hasil penulisan tentang adat lama yang pernah diamalkan dan kini telah pupus, maka penulis telah memilih tajuk di atas dengan tujuan untuk menonjolkan sebahagian daripada adat-adat tersebut terutamanya yang pernah atau termasuk yang masih diamalkan di daerah Johol.

<sup>1</sup> Ismail Hamid, Masyarakat Dan Budaya Melayu, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

<sup>2</sup> Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur, Utusan Melayu Berhad, 1976.

### 3. Method Kajian

Dalam menjayakan penulisan ini, penulis menggunakan method-method kajian berikut:

#### b. Kajian Perpustakaan

Bagi mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai penulisan ini, penulis telah membuat lawatan di beberapa buah perpustakaan seperti perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Perpustakaan Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM), UKM, Bilik Sumber Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM, Perpustakaan / Universiti Malaya dan Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur. Maklumat didapati melalui buku-buku dan majalah-majalah atau lainnya dijadikan asas dalam penulisan ini.

#### b) Kajian Lapangan

Memandangkan tajuk latihan ilmiah ini memerlukan kajian khusus di Johol maka penulis telah membuatnya ke beberapa buah kampung di sana seperti Kampung Nuri, Kampung Simat, Kampung Lending, Kampung Tanggai, Kampung Kuala Johol, Kampung Inas, Kampung Air Mawang dan Kampung Sikota untuk menemubual orang-orang tertentu bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan.

Pendekatan yang digunakan ialah dengan menemubual golongan tua yang mahir dalam adat-adat Perpatih. Meskipun terdapat beberapa kesulitan tetapi penulis berjaya menemubual dua belas orang tua yang mahir dalam adat berkenaan terutamanya menyentuh tentang adat mendiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Maklumat-maklumat yang didapati hasil daripada pertemuan dan temubual ini sesungguhnya amat berguna dalam penyediaan latihan ilmiah ini.

#### A. Organisasi

Penyusunan penulisan ini seperti berikut:

Dalam bab pertama latihan ilmiah ini menceritakan tentang asal-usul Johol serta sedikit sejarah kemasukan adat Perpatih di Johol. Ia juga menyentuh tentang pengaruh animisme dan Hinduisme sebelum kedatangan adat Perpatih di sana. Juga sejauhmana pengaruh adat Perpatih dalam masyarakat Johol yang menyentuh tentang adat sebenar adat, adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat-istiadat.

Bab kedua pula menerangkan tentang adat perkahwinan dalam masyarakat Johol, bermula dari adat merisik hingga membawa kepada adat-adat perkahwinan. di dalamnya diceritakan tentang upacara-upacara yang

## JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
س	s	سَالَ	sa'ala
ف	f	فِي	fi
ب	b	بَدْلٌ	badala
ت	t	تَمْرٌ	tamr
ث	th	ثَوْرَةٌ	thawrah
ج	j	جَمَلٌ	jamāl
ح	h	حَدِيثٌ	hadīth
خ	kh	خَالِدٌ	Khālid
د	d	دِيْوَانٌ	diwān
ذ	dh	ذَالِكَ	dhālikā
ر	r	رَحْمَنٌ	rahmān
ز	z	زَابُورٌ	Zabur
س	s	سَبِيلٌ	sabil
ش	sh	شَامٌ	shams
ص	s	صَابَرٌ	sabr

## DIFTONG

aw	قَوْلٌ	=	qawl
ay	سَيْفٌ	=	sayf
iyy	رَجْبِيٌّ	=	raj <sup>c</sup> iyy atau raj <sup>c</sup> i
uww	عَدُوٌّ	=	caduww atau cadūw

## TA' MARBUTAH

contoh	شَرِيعَةٌ	=	shari <sup>c</sup> at
	كِتَابٌ	=	kitābat

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
و	aw	قَوْلٌ	qawl
ي	ay	سَيْفٌ	sayf
ي	iyy	رَجْبِيٌّ	raj <sup>c</sup> iyy atau raj <sup>c</sup> i (di akhir)
و	uww	عَدُوٌّ	caduww atau cadūw (di akhir)

diamalkan oleh masyarakat tradisi dan ada di antara adat serta upacara itu tidak lagi menjadi amalan masyarakat sekarang dengan melihat pada perubahan zaman dan kepentingannya masa kini. Bab ini juga membincangkan tentang perkahwinan yang dibolehkan dan tidak dibolehkan mengikut adat Perpatih dengan penekanan diberikan pada larangan-larangan yang terdapat dalam perkahwinan seperti yang ditentukan oleh adat.

Selain adat perkahwinan, adat-adat lain juga ada dibincangkan dalam bab ketiga. Disebabkan banyak adat yang diamalkan oleh masyarakat ini dan agak mustahil dibincangkan semuanya, maka penulisan ini lebih tertumpu pada adat mendiri rumah, adat bersawah padi, adat beratib jalan, adat berpuar, adat tekachi dan adat berkedim. Di dalam adat-adat tersebut diterangkan bagaimana upacara-upacara dijalankan dan diterima pakai oleh masyarakat dahulu.

Melalui bab keempat pula, penulis membincarakan tentang keistimewaan wanita dalam masyarakat Perpatih di Johol dan alasan-alasan mengapa mereka diberi keistimewaan oleh adat dalam sistem perwarisan. Selain itu, dibincangkan tentang penilaian umum masyarakat Johol tentang adat perpatih yang menjadi amalan mereka selama ini.

Akhir sekali dalam kesimpulan, rumusan mengenai penulisan ini dibuat secara umum bermula dari asal-usul adat Perpatih di Johol hingga kepada pengaruhnya ke dalam kehidupan masyarakat Johol yang berkaitan dengan adat-adat tertentu dalam perkahwinan, adat-adat lain yang pernah diamalkan dahulu dan termasuk juga status wanita dalam sistem perwarisan adat Perpatih.

## BAB I

### ADAT DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT PERPATIH DI JOHOL, NEGERI SEMBILAN

#### 1.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan menyentuh asal usul Johol yang menjadi tempat kajian penulisan ini dan beberapa unsur lain yang mempengaruhi adat Perpatih sebelum ia bertapak kuat di Johol. Selain itu bab ini turut membincangkan tentang kehidupan masyarakat Perpatih di Johol dan sebelum penutup perbincangan ditumpukan kepada bentuk-bentuk adat yang terdapat dalam masyarakat Johol yang menjadi latarbelakang penulisan ini.

#### 1.1 Asal-Usul Johol Dan Pengaruh Adat Perpatih Di Johol

Negeri Sembilan memang kaya dengan adat malah adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakatnya sejak dulu lagi seakan mengikat pergerakan mereka dalam menjalankan sesuatu tindakan. Apa saja yang dilakukan akan didahulukan dengan adat dan dipenuhi dengan istiadat.

Johol adalah antara daerah yang mengamalkan adat Perpatih. Asal-usul Johol tidak dapat dipastikan dengan

jelas tapi menurut seorang penduduk di Kampung Inas, Johol diambil dari perkataan tohor iaitu air yang tidak dalam atau air keroh. Terdapat dua batang sungai di situ yang dikenali dengan Sungai Jelai yang mengarah ke Inas dan satu lagi dikenali dengan sungai tohor. Ini adalah disebabkan sungai Jelai lebih dalam dari sungai Johol yang lebih dikenali dengan sungai tohor atau air keroh kerana airnya yang keroh ketika itu. Tapi sekarang ia lebih dikenali dengan sungai Johol.<sup>1</sup>

Penduduk Johol menerima dan mengamalkan adat Perpatih sejak 5 abad yang lalu dan dikuatkuasakan pada awal abad ke-18 iaitu pada tahun 1723. Sebelum kedatangan orang Minangkabau ke Johol, tempat itu diketuai oleh Batin orang asli atau Melayu Proto yang merupakan penduduk asal tempat itu.

Menurut sejarah, Datuk Malingkalam dan isterinya Kayan telah meninggalkan Minangkabau, menuju ke Johor dan tinggal sebentar di Skudai sebelum masuk ke Johol. Di Johol anak lelakinya lahir dan dinamakan Johol sempena nama tempat itu. Apabila dewasa Johol dikurniakan gelaran Johan Pahlawan Lela Perkasa oleh Sultan Johor. Ia kemudian berkahwin dengan seorang perempuan yang disegani dan mempunyai kedudukan yang setaraf dengan Batin malah ia menjadi ketua di situ. Ia lebih dikenali

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Haji Layar bin Atong, penduduk Kampung Inas, Johol, 4 Disember 1992.

dengan gelaran Nenek Kerbau. Perkahwinan mereka menghasilkan seorang anak perempuan diberi nama Kunun. Bagi membuka pertematan yang besar dan maju orang Minangkabau digalakkan datang beramai ke Johol.

Kemangkatan Sultan Mahmud II pada tahun 1699 yang ketika itu adalah Sultan Johor maka Datok Johol telah menjemput Bendahara Skudai yang bernama Liman ke Johol dan mereka menetap di mahligai Panjang Nuri di Johol, kemudian Liman berkahwin dengan Kunun. Ketika itu juga ramai orang Islam datang ke Johol dan Kunun telah mengambil nama Islam iaitu Siti Awa. Ketika Nenek Kerbau meninggal dunia ketua suku dan puak di situ sepakat memilih Siti Awa menjadi Undang pertama di luak Johol.

Sebelum itu, Siti Awa dikatakan seorang yang mempunyai ilmu sakti dan ilmu kebal. Ia juga selalu bertapa di gunung atau di tempat tinggi. Oleh sebab itu ayahnya meletakkan huruf "n" di belakang namanya menjadikan namanya Siti Awan. Kemudian ia mengambil alih gelaran ayahnya dan digelar Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan dan gelaran itu kékal hingga sekarang dipakai oleh Datok Undang Johol. Siti Awan memerintah lebih kurang 25 tahun, meninggal dunia pada tahun 1747 dan dimakamkan di Tanggai.<sup>1</sup>

<sup>1</sup>M. Rasyid Manggis DT Radjo Panghoelo, Negeri Sembilan Hubungannya Dengan Minangkabau, al-Maktabah al-Saddiah, Jakarta 1970, hlm. 131-133.

Kedatangan orang Minang ke Negeri Sembilan dipercayai berpunca dari perang saudara yang akhirnya mengakibatkan pecah-belah berlaku pada abad ke-17. Mereka cuba mencari pertempatan baru yang lebih aman dan membuka kampung-kampung supaya masyarakat boleh bersatu serta membentuk sebuah negeri yang bertamadun. Mereka datang dengan membawa adat dan peraturan dari Minangkabau yang mana ia dapat diterima dengan baik secara beransur-ansur dan akhirnya kuat bertapak di Negeri Sembilan. Ketua mereka membuat perhubungan baik dengan ketua orang asli tempatan hingga mewujudkan perkahwinan di kalangan mereka dan dari mereka lahirlah suku Biduanda.<sup>1</sup>

Sebelum kedatangan adat Perpatih di Johol, masyarakatnya terpengaruh dengan satu cara hidup atau kepercayaan yang dikenali dengan animisme sepetimana masyarakat di negeri lain. Kepercayaan ini meskipun telah beransur hilang namun tidak dapat dinafikan masih terdapat lagi unsur-unsur animisme dalam kehidupan masyarakat sekarang. Animisme adalah satu kepercayaan masyarakat primitif di mana mereka percaya ada kuasa ghaib yang menentukan peraturan alam dan makhluk yang hidup di alam ini. Maka dari situ lahirlah kepercayaan

---

<sup>1</sup>Suku asal waris dan satu-satunya suku yang berhak mewarisi jawatan Undang: Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 56.

pada semangat padi, penunggu busut, bukit, gunung dan lain-lain lagi, yang mana mereka mesti dipuja dengan mengadakan jamuan supaya mereka tidak mengamuk. Maka timbulah unsur-unsur jampi mentera bagi melawan kejahatan yang penggunaannya masih kekal hingga ke hari ini meskipun dalam keadaan terkawal.

Animisme dipercayai mempunyai kaitan dengan kuasa ghaib dan disebabkan naluri manusia sentiasa ingin tahu tentang keadaan alam tabii, telah mendesak mereka membuat tafsiran sendiri. Maka lahirlah unsur khurafat dalam usaha menemui jawapan bagi persoalan yang hanya dapat difahami oleh panduan hati dan akal. Kepercayaan pada kuasa roh dan penggunaan jampi serapah membawa kepada pemujaan dan khurafat. Unsur-unsur ini memberi kesan yang tidak sedikit dalam adat Perpatih suatu masa dulu.

Pengaruh adat Hindu diserapkan dalam adat Perpatih hingga masyarakatnya tidak lagi kekok mengamalkannya dan hampir menganggap adat tersebut sebagai sebahagian dari adat Perpatih. Pengaruh yang amat ketara ialah dalam adat-istiadat perkahwinan, penggunaan jampi serapah, penyembahan dan lain-lain. Semua adat itu telah berkumpul dan menjadi satu seolah-olah satu kombinasi yang unggul dibawa ke Johol oleh masyarakat Perpatih di Minangkabau seterusnya cuba diserapkan kepada penduduk tempatan di Johol.

Pertembungan budaya Minangkabau dengan adat budaya penduduk asli telah melahirkan satu aturan hidup yang unik walaupun nyata adat Perpatih sendiri telah mengambil alih kuasa dan telah melenyapkan budaya serta sistem sosial penduduk asli. Walaupun mereka cuba pertahankan dan menyamakan adat Perpatih seperti amalan di Minangkabau namun agak sukar juga mereka melenyapkan sama sekali adat tempatan yang lebih dulu berkuasa. Oleh sebab itu, meskipun tidak sedikit adat Perpatih bertapak di Johol, masih juga terdapat kelainan yang tidak ketara antara amalannya di Minangkabau dan di Johol, seperti kata perbilangannya:

lain padang lain belalang,  
lain sungai lain pasirnya.

Kedatangan Islam dengan ajarannya yang sempurna dan memberikan penumpuan kepada logik akal berpandukan al-Qur'an dan Hadis memberi kesan kepada adat Perpatih walaupun tidak keseluruhannya. Beberapa perubahan dilakukan agar tidak bercanggah dengan syara<sup>C</sup>, seperti kata perbilangan:

adat bersendi hukum,  
hukum bersendi syara<sup>C</sup>,  
syara<sup>C</sup> mengata adat menurut.

maka unsur-unsur jampi digantikan dengan doa selamat dan selawat ke atas Nabi Muhammad, berzanji dan lain-lain lagi.

Jika suatu masa dulu perempuan yang memegang jawatan ketua di Johol tapi adat itu berubah memandangkan timbulnya beberapa masalah yang memaksa jawatan itu bertukar kepada lelaki. Menurut seorang penduduk di Kampung Nuri<sup>1</sup> disebabkan kesibukan tugas pentadbiran yang tidak mengira masa dan waktu maka ia menimbulkan kerisauan di hati suami Datuk Undang dan menawarkan dirinya menggantikan isterinya sebagai pemangku atau pembantu tapi lama-kelamaan tugas itu diambilalih oleh suaminya dan jawatan pun bertukar kepada lelaki hingga sekarang yang mana Johol yang suatu masa dulu diperintah oleh perempuan hanya tinggal sejarah saja. Ini menunjukkan adat Perpatih tidak statik dan sentiasa menerima perubahan jika dirasakan perlu mengikut kemauafakatan ahli mengenainya, sesuai dengan kata perbilangan:

usang-usang diperbaharui,  
lapuk-lapuk dikajangi,  
yang elok dipakai,  
yang buruk dibuang.

Pengaruh animisme dan adat Hindu dalam penggunaan jampi mentera telah meresap ke dalam adat Perpatih seterusnya mempengaruhi masyarakat Perpatih Johol suatu masa dulu. Mereka percaya wujudnya hubungan yang perlu dipelihara antara manusia dan alam keliling yang mana masing-masing saling memerlukan. Oleh itu terdapat

---

<sup>1</sup>Haji Abd. Razak bin Wahab, penduduk Kampung Nuri, Johol, 19 September 1992.

pantang-larang yang perlu dijaga bagi menghormati hubungan tersebut. Di sini bomoh, dukun atau pawang menjadi manusia perantaraan bagi dua alam yang menghubungkan alam manusia dan alam ghaib yang terdapat dalam kosmologi masyarakat manusia. Oleh sebab itu, penggunaan jampi diamalkan bagi memulih semangat atau memujuk makhluk yang disakiti akibat daripada pelanggaran pantang-larang dengan berjanji perkara itu tidak akan berulang lagi. Jadi tidak hairanlah jika suatu masa dulu masyarakat amat mengambil berat tentang hubungan manusia dengan alam supaya tidak tercemar dengan sikap manusia itu sendiri dan memastikan sistem ekologi serta alam sekitar tidak dicerobohi tanpa hormat juga tidak dieksplorasi secara melampau.

Meskipun Islam dengan nyata menolak setengah-sutengah adat yang diamalkan namun agak sukar untuk melenyapkan sama sekali adat yang telah berakar umbi sekian lama. Bagaimanapun masyarakat Perpatih di Johol pada hari ini semakin menyedari tentang hakikat Islam dengan meninggalkan adat-adat yang bercanggah dengan syara<sup>C</sup> di samping mengubahsuai adat-adat itu selaras dengan Islam. Maka tidak hairanlah jika didapati adat-adat itu tidak lagi diamalkan sekarang malah ia menjadi sejarah bahawa adat itu pernah diamalkan suatu masa dulu.

## 1.2 Kehidupan Masyarakat Perpatih Di Johol

Sebuah masyarakat akan maju jika mereka sentiasa bekerjasama dan hidup dalam suasana yang harmoni. Setiap orang mempunyai tanggungjawab terhadap dirinya dan individu yang lain dalam masyarakatnya, saling menghormati hak orang lain dan bersedia melindungi hak jirannya jika dicerobohi tanpa sebab yang sah.

Masyarakat Perpatih di Johol mengamalkan sistem matrilineal<sup>1</sup> seperti mana adat Perpatih di tempat lain. Mereka hidup bersuku dan setiap suku mereka ditentukan oleh nasab sebelah ibu. Mengikut adat Perpatih, dari segi teori suku ada dua belas tapi dari segi amalannya tidak semestinya tiap-tiap luak ada dua belas suku. Oleh itu, tiap-tiap daerah di Negeri Sembilan mempunyai bilangan suku yang berbeza, ada yang lebih dari dua belas seperti di Rembau mempunyai dua puluh tujuh suku dan ada yang kurang dari dua belas seperti di Inas dan Johol, masing-masing mempunyai sepuluh suku. Nama-nama suku juga ada yang berlainan bagi sesuatu daerah. Di Johol ada sepuluh suku di mana suku asalnya adalah Biduanda Gempa, Biduanda Menteri, Biduanda Mendatang, dan Biduanda Jenang manakala suku-suku lain seperti suku Semelenggang, suku Tiga Batu, suku Mungkal, suku Paya Kumbuh, suku Selemak Minangkabau dan suku Selemak Pahang adalah suku

---

<sup>1</sup>Sistem yang menarik garis keturunan dari pihak perempuan (sebelah ibu saja).

mendatang. Mereka ini tidak boleh memegang jawatan Undang (Lihat Lampiran A)

Suku yang memegang jawatan Undang yang bergelar Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan adalah dari suku waris Biduanda saja. Suku ini terbahagi kepada dua iaitu suku waris Gemencheh dan suku waris Johol yang mana pemerintahan akan dijalankan secara bergilir-gilir. Jika waris Johol jadi Undang maka waris Gemencheh akan menjadi Datuk Baginda Tan Mas iaitu gelaran bagi bakal Undang. Jika Undang meninggal dunia maka Datuk Baginda Tan Mas akan naik menggantikannya dan pengganti Datuk Baginda Tan Mas akan dilantik dari waris Undang yang meninggal tadi begitulah seterusnya. Namun tidak ditetapkan secara total bahawa Datuk Baginda Tan Mas mesti jadi Undang jika Undang meninggal dunia cuma dari segi amalan yang dihormati sejak dulu maka jadilah seperti apa yang berlaku hari ini. Undang dipilih oleh Datok Jenang iaitu Ketua Suku Biduanda dan Buapak yang enam. Ketua suku lain tidak campurtangan.

Undang adalah kuasa tertinggi suatu luak dan ia menjalankan pemerintahannya dengan bantuan Ketua-ketua Adat. Ia mesti berpegang pada adat dan berperanan sebagai hakim, boleh menggunakan budi bicara) sendiri meringankan hukuman dan memaafkan kesalahan. Walau bagaimanapun Undang boleh dijatuhkan oleh Lembaga jika ia gagal melaksanakan tugas dengan baik atau berlakunya

penyelewengan kuasa. Selain dari melantik Undang, Lembaga juga bertanggungjawab menyelesaikan kes-kes kecil dan perkara yang tidak dapat diselesaikan oleh Buapak. Manakala Buapak pula bertanggungjawab terhadap anak buahnya, jika berlaku perselisihan perkara itu mesti diselesaikan di hadapan Buapak, jika gagal akan dibawa kepada Lembaga dan jika gagal juga akan dibawa kepada Undang. Suatu kes kecil tidak boleh terus dibawa kepada Lembaga tanpa membawanya terlebih dulu kepada Buapak, jika dilakukan ia akan dihukum atas kesalahan melanggar Buapak. Oleh sebab itu, jelas adat Perpatih ini mempraktikkan sistem perundingan dari bawah membawa ke atas.

Masyarakat Johol mengamalkan kehidupan bersuku iaitu suatu ikatan keluarga yang besar di samping tidak melupakan hubungan baik dengan suku-suku lain. Mereka tidak mengamalkan perasaan ta<sup>c</sup>asub terhadap suku malah kehidupan bersuku mengajar mereka menghormati orang lain. Mereka percaya bahawa mereka berasal dari nenek moyang yang sama.

Dari segi hubungan sosial mereka menekankan konsep muafakat yang bersifat demokrasi, kerjasama dan gotong-royong. Dalam segala hal, muafakat adalah menjadi kunci bagi segala persoalan, oleh itu tidak hairanlah jika masyarakat Perpatih amat dihormati dari segi hubungan erat sesama mereka terutama dalam kenduri-kendara. Kepentingan muafakat digambarkan dalam perbilangan:

kelebihan Nabi dengan mukjizat,  
 kelebihan umat dengan muafakat,  
 bulat air kerana pembetung,  
 bulat manusia kerana muafakat,  
 penghulu beraja kepada muafakat,  
 muafakat beraja kepada kebenaran,  
 ibu hukum muafakat,  
 ibu adat muafakat.

Mereka tidak saja ditanamkan dengan perasaan cinta sesama suku malah dengan perasaan yang sama mereka menganggap suku yang lain turut bersaudara dan ini telah melahirkan sebuah masyarakat yang erat, mesra serta saling memerlukan, justeru itu mungkin ia menjadi salah satu sebab mengapa adat Perpatih masih bertahan kuat hingga ke hari ini.

Apabila timbul suatu masalah atau perselisihan dalam suku, mereka akan berhimpun dalam suasana keluarga yang besar atau lebih dikenali dengan berkampung. Di sini segala masalah akan dibincangkan untuk mencari penyelesaian bagi kepentingan bersama. Dalam majlis kenduri kahwin misalnya semua ahli mesti hadir seperti kata perbilangan:

nan jauh dijemput,  
 nan dekat dikampungkan,  
 hilang dicari, cicir dipungut.

Lazimnya ketidakhadiran salah seorang ahli terdekat keluarga akan dipersoalkan dan mungkin akan menyebabkan sesuatu rancangan tergendala jika tidak dipastikan apakah punca ketidakhadirannya. Jika didapati

terdapat perselisihan antara mereka maka penyelesaian perlu dicari segera agar perasaan terkilan tidak bermukim di hati sekaligus perpaduan dapat ditegakkan. Di sini Ketua Adat akan menjalankan peranannya mendamaikan mereka yang terlibat dan untuk mendamaikan mereka satu adat berkampung diadakan dan pihak yang terlibat mesti hadir. Majlis ini juga dikenali dengan nama adat bertimbang salah yang mana mereka memberitahu sebab-sebab perbalahan dalam majlis terbuka. Ahli lain yang mendengar akan memberi pandangan atau nasihat dan jika terbukti kesalahan, denda akan dikenakan pada mereka yang bersalah. Majlis diakhiri dengan bermaafan dan kenduri doa selamat.

Adat menyuruh mereka berkumpul dan berbincang masalah sebelum melakukan sesuatu seperti kata perbilangan:

bulat air kerana pembetung,  
būlat manusia kerana muafakat.

Oleh itu, persetujuan semua ahli diperlukan, maka semua ahli mesti hadir dengan mengambil kira persamaan hak akan melahirkan kesatuan dan kesepadan seperti kata adat:

duduk sama rendah,  
tegak sama tinggi.

Konsep muafakat ini menyamai konsep syura dalam Islam dan dalam zaman moden ini ia menyamai prinsip demokrasi yang berdasarkan hasil pungutan suara terbanyak sesuai

dengan kata adat:

kok bulat digolekkan,  
kok pipih dilayangkan.

Adat juga percaya segala masalah dapat diselesaikan:

tidak ada keruh yang tidak jernih,  
sesat di hujung jalan,  
balik ke pangkal jalan.

Kerjasama dan gotong-royong yang diamalkan oleh mereka dalam sesuatu majlis mewujudkan hubungan rapat dan saling membantu maka berlaku pembahagian kerja secara tidak langsung di antara mereka. Pembahagian kerja ini mengikut kemampuan dan kelaziman masyarakat di satu tempat. Mereka juga selalu diingatkan agar sentiasa menjaga nama dan maruah kerana sekali arang terpalit amat sukar untuk dihilangkan kesannya. Disebabkan masyarakat Perpatih mementingkan hidup bersuku maka seorang yang membawa lumpur habis semua terpalit, seperti kata perbilangan:

Hidup bersuku,  
Malu sama ditanggung,  
Hasil sama dirasa.

Oleh sebab itu, maka maruah dan nama baik amat dijaga agar tidak berlaku kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Konsep kerapatan yang diamalkan oleh mereka mempunyai persamaan dengan konsep berkampung, cuma

bezanya kerapatan lebih memfokuskan pada masalah politik dan melibatkan lebih satu suku, Ketua-Ketua Adat malah kadang-kadang melibatkan Undang sendiri.

Penduduk Johol dianggarkan mempunyai bilangan seramai 10,000 orang yang majoritinya masyarakat Melayu yang mengamalkan adat Perpatih. Dianggarkan sepuluh peratus (10%) daripadanya adalah masyarakat Cina dan tiga peratus (3%) daripadanya adalah masyarakat India. Jumlah ini dikatakan berkurangan dari dulu dan sebab-sebab kekurangan ini tidak dapat dipastikan dengan jelas, namun begitu faktor penghijrahan boleh dianggap sebagai penyebab utama bagi masalah ini.

Bagi golongan intelektual mereka lebih suka berhijrah ke bandar-bandar yang banyak memberi mereka peluang mempraktikkan ilmu mereka sejauh dari beberapa kemudahan lain yang sukar ditemui di kampung.

Golongan ini menjadikan bandar sebagai tempat bagi sumber kewangan mereka tanpa memikirkan tentang kos kehidupan mereka di sana. Apa yang penting cita-cita dan kepuasan tercapai, masalah lain yang timbul kemudian bukan suatu masalah yang tidak dapat dihadapi. Dengan lahirnya kesedaran terhadap ilmu maka lahirlah cerdik pandai yang bukan sedikit dan ini menambah lagi bilangan intelektual yang berhijrah ke bandar.

Bagi golongan yang sederhana atau yang berpendidikan rendah mereka lebih senang berhijrah ke tanah rancangan yang ditawarkan oleh kerajaan di bawah skim Lembaga Kerajaan Tanah Persekutuan (FELDA) atau rancangan tanah pinggir negeri (FELCRA) dan lain-lain. Ini dapat membantu orang yang tidak bertanah dengan memberi tanah tertentu yang sebahagiannya ditanam dengan kelapa sawit dan getah. Dengan bermodalkan usaha dan tenaga, mereka menapak di tanah yang disediakan dengan melakukan kerja-kerja di ladang kelapa sawit atau getah sebagai sumber rezeki mereka. Kebiasaannya mereka akan membawa keluarga bersama tinggal di situ dan meninggalkan golongan tua yang masih setia di kampung. Oleh sebab itu, penghijrahan mereka telah menjadikan kadar pertumbuhan penduduk kampung di Johol semakin berkurangan dari setahun ke setahun.

Kebanyakan penduduk Melayu mencari rezeki melalui pertanian seperti menoreh getah, bekerja di ladang kelapa sawit, bersawah dan lain-lain. Oleh itu masyarakat Perpatih termasuk di Johol dikenali sebagai masyarakat tani dan asas ekonomi mereka adalah tanah. Sedar atau tidak yang mengusahakan tugas-tugas ini adalah golongan tua yang mana mereka tidak cukup kuat untuk meningkatkan ekonomi negara. Anak-anak gadis dan anak muda lebih suka bekerja di kilang yang pada anggapan mereka lebih mudah menghasilkan pendapatan. Perkhidmatan bas yang disediakan oleh majikan ditambah dengan kedudukan Negeri

Sembilan khasnya Johol berdekatan dengan bandar-bandar perindustrian seperti Melaka, Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan lain-lainnya menjadi faktor penolak (push factor) kepada proses penghijrahán.

Selain itu, penduduk di sini ada menanam tanaman kontan di tanah terbiar yang mana orang yang mengusahakan, hampir keseluruhannya dari bangsa asing dengan kadar sewa tanah yang terlalu murah dan orang Melayu adalah antara pekerjanya. Kebiasaan tanah itu digunakan bagi menanam sawi.

Kerajaan negeri ada juga menjalankan beberapa projek bagi mengusahakan tanah terbiat ini khususnya tanah sawah bagi tujuan membaik pulih tanah-tanah tersebut. Beberapa rancangan jangkapanjang dan jangkapendek disediakan seperti menanam kelapa sawit, membuka kolam ikan dan lain-lain lagi. Setakat ini projek ini boleh dianggap berjaya kerana seperti kelapa sawit, ia telah mula menampakkan hasilnya.

Pasar tani diadakan bagi menambahkan ekonomi penduduk tempatan dan ia mendapat sambutan yang menggalakkan. Terdapat penglibatan dari penduduk tempatan yang datang berniaga secara tidak kormesil dan secara tidak langsung menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Hasil-hasil sawi dan tanaman kontan dibawa ke sini untuk dijual mengikut harga pasaran.

Projek ternak ikan dibantu sepenuhnya oleh kerajaan negeri dengan menyediakan kolam ikan dan bantuan memberi anak-anak ikan oleh Jabatan Perikanan. Namun projek ini agak kurang mendapat sambutan mungkin disebabkan tidak ada orang yang benar-benar tahu dan mahir mengendalikan kolam tersebut. Walaupun pegawai-pegawai perikanan ada memberi khidmat nasihat namun orang yang berkelayakan mengendalikannya amat kurang. Oleh itu, projek ini tidak dapat mencapai matlamat yang sepatutnya di setengah-setengah tempat.

Walaupun penghijrahan anak-anak muda membawa kepada berlakunya kadar pertumbuhan penduduk yang berkurangan, namun mereka tidak dapat dipersalahkan sepenuhnya kerana penghijrahan mereka juga adalah disebabkan masalah yang timbul di kampung mereka sendiri di samping kemudahan yang didapati di bandar yang menyediakan kawasan dan suasana yang lebih sistematik. Di kampung bukan saja tidak mempunyai peluang pekerjaan yang luas malah tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan serta pokok-pokok getah yang sudah tua tidak menjanjikan apa-apa untuk mereka. Oleh itu, mereka berusaha merebut peluang yang sedia ada tanpa memikirkan bahawa golongan tua memerlukan tenaga muda mereka di kampung.

Tanah-tanah terbiar disewakan dengan kadar yang rendah untuk diusahakan tanaman sawi yang mana pekerjanya terdiri dari golongan tua dan ada juga yang menjadi kuli

di tanah mereka sendiri. Bagi mereka, ini adalah lebih baik dari mereka membiarkan tanah itu tidak terus diusahakan langsung. Ketidakseragaman terhadap jenis tanaman yang ditanam di tanah terbiasa ini disebabkan tidak semua kampung setuju tanah mereka ditanam dengan kelapa sawit yang pada pendapat mereka lambat mendatangkan hasil.

### 1.3 Bentuk-Bentuk Adat Dalam Masyarakat Johol

Bentuk-bentuk adat dalam masyarakat Johol sama juga dengan bentuk adat yang diamalkan oleh masyarakat Perpatih di tempat lain. Menurut Dr. Nordin Selat dalam bukunya, Sistem Sosial Adat Perpatih, peraturan-peraturan adat dalam masyarakat Perpatih terbahagi kepada dua iaitu yang Fundamental dan yang tidak Fundamental. Tidak Fundamental adalah yang boleh berubah sifatnya mengikut keadaan manakala Fundamental adalah kekal sifatnya, tidak berubah yakni peraturan hidup yang bersandarkan hukum dan bersandarkan syara<sup>c</sup> seperti seperti perbilangan:

dari nenek turun ke mamak,  
dari mamak ke kemanakan,  
patah tumbuh hilang berganti,  
pusaka lama begitu juga,  
adat bersendi hukum,  
hukum bersendi syara<sup>c</sup>,  
syara<sup>c</sup> mengata,  
adat menurut.

Ada empat kategori adat yang menjadi teras asas dan prinsip sistem organisasi adat yang mana

mempengaruhi sistem politik, sosial, ekonomi atau budaya masyarakat Perpatih. Bentuk-bentuk ini adalah adat sebenar adat, adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat-istiadat.

### 1. Adat yang sebenar adat

Adat ini adalah aturan semulajadi dan tabii iaitu ketentuan yang terdapat dari alam yang lahir dari ketentuan Tuhan dan ketentuan itu adalah adat bagi sesuatu kejadian. Ia merupakan aturan hidup berasaskan kenyataan alam dan menjadi pengajaran bagi manusia yang memahaminya. Adat ini tidak mungkin berubah, ia adalah aturan pokok yang mendasari kehidupan masyarakat sejak dulu tanpa terpengaruh oleh tempat, waktu dan keadaan tapi ia merujuk pada nilai-nilai dasar yang telah ditetapkan seperti adat tajam melukai, adat air membasahi, dan adat api membakar. Adat ini menurut perbilangan:

tak lapuk dek hujan,  
tak lekang dek panas,  
dianjak layu,  
dicabut mati.

Dalam adat Perpatih ada empat perkara yang dikatakan termasuk dalam kategori ini:

- i) Keturunan pengamalnya iaitu berdasarkan organisasi matrilineal.

- ii) Perkahwinan adalah berbentuk eksogami iaitu berkahwin lain suku dan tempat tinggalnya selepas kahwin adalah matri lokal iaitu tinggal menetap di kawasan isteri.
- iii) Harta pusaka iaitu tanah mesti diturunkan mengikut waris perempuan dan adalah menjadi milik bersama suku.
- iv) Falsafah alam berkembang menjadi guru, dijadikan landasan untuk pendidikan ilmiah dan rasional serta menolak pendidikan mistik dan irrasional.<sup>1</sup>

Adat jenis ini adalah luas merangkumi semua aspek kehidupan dan dijadikan teladan serta amalan dalam kehidupan.

## 2. Adat yang diadatkan

Adat ini adalah peraturan atau prinsip setempat yang luas digunakan dalam kehidupan serta diterima oleh masyarakat umum. Peraturan dan ketetapan ini diambil dari permuafakatan oleh ketua-ketua seperti Buapak, Lembaga, Penghulu dalam lingkungan dan luak. Ia menjadi pegangan dan warisan dari dulu dan disusun hasil dari

<sup>1</sup> Norhalim Ibrahim, Kesenian Adat Perpatih Dan Cabaran Masa Kini, Seminar Adat Perpatih, 17-18 September 1988, hlm. 4.

permuafakatan kemudian menjadi adat. Ringkasnya ia adalah kelaziman yang dilakukan di suatu tempat atau kaum tertentu yang akhirnya menjadi adat. Muafakat adalah penting dalam kategori adat ini:

nan elok dipakai jo muafaakat,  
nan buruk dibuang jo kebulatan,  
adat habis dek kerelaan.

Adat jenis ini tidak mempengaruhi kawasan lain tapi hanya berlaku di kawasan setempat saja. Ia juga merupakan peraturan yang dibentuk berdasarkan pengalaman yang diperolehi dari adat yang sebenar adat tadi dan dilukiskan melalui perbilangan iaitu undang-undang yang tidak dikanunkan menyentuh tentang kehidupan manusia sehari-hari.

### 3. Adat yang teradat

Adat ini merujuk pada himpunan peraturan, nilai dan kepercayaan yang telah dicipta oleh manusia sejak manusia mewujudkan masyarakat. Himpunan nilai dan pengharapan yang terangkum dalam adat ini membentuk piagam sosial bagi masyarakat Negeri Sembilan. Ia juga adalah amalan yang terdapat dalam satu kelompok masyarakat suatu masa dahulu yang akhirnya menjadi lebih kuat kedudukannya menjadi adat yang diamalkan. Satu peraturan atau konvensyen yang dilahirkan oleh masyarakat terjadi dengan sendiri melalui kelaziman dan kata muafakat yang telah diadatkan. Ia juga satu aturan yang sengaja diadakan oleh ketua-ketua daerah atau wilayah sama ada

Undang atau Penghulu dan merupakan satu perancangan untuk melaksanakan adat yang diadatkan tadi dengan tujuan untuk membimbing masyarakat yang mana amalannya berbeza mengikut tempat dan masyarakatnya. Oleh sebab ia adalah kebiasaan seseorang dalam kehidupan masyarakat maka ia boleh ditambah atau dikurangkan atau ditinggalkan. Ini bermakna ianya boleh berubah mengikut keadaan suasana atau keperluan masyarakat, seperti kata perbilangan:

patah tumbuh hilang berganti

Contoh-contoh adat jenis ini ialah adat perkahwinan, adat mencukur rambut bayi, adat bersalin dan lain-lain.

#### 4. Adat-Istiadat

Adat ini merupakan suatu kebiasaan yang berlaku ditangan masyarakat umum atau masyarakat setempat dan ia diterima sah serta stabil demi melaksanakan institusi yang dihidupkan oleh adat yang sebenar adat, adat yang teradat dan adat yang diadatkan. Ia mengikut resam yang selalu dipakai dalam perkara yang berhubung dengan adat-istiadat. Ia juga merupakan perlakuan yang menyangkut sesuatu upacara yang pasti ada sistem dan aturannya.

Adat ini bersifat upacara (ritual) yang dinyatakan dalam upacara-upacara rapi dan teliti, lengkap dengan aturan ketika menjalankan sesuatu

peristiwa. Ia bersifat mantap meskipun tidak kekal kerana boleh berubah mengikut persekitaran hidup dan masa. Upacara dan perayaannya penuh dengan kelengkapan, peralatan, tatacara dan sebagainya yang disusun dengan begitu indah sekali.

Fungsi upacara ini bersifat memberi kebenaran atau pengiktirafan terhadap sesuatu status yang istimewa dalam masyarakat dan individu khususnya. Berasaskan kedudukan ekonomi dan sosial individu, upacara ini boleh dibuat dalam bentuk yang meriah dan besar (elaborate) atau dalam bentuk ringkas saja. Adat ini diibaratkan adat tambahan untuk mencantikkan adat yang ada, bagaimanapun kebanyakan adat dan upacara ini bertentangan dengan asas kebenaran Islam itu sendiri.

Bentuk-bentuk adat itu boleh dibuat kesimpulan bahawa pada dasarnya adat-adat tersebut boleh berubah mengikut keperluan dan kepentingan masyarakat di samping ada adat yang diletak sifat seperti aturan tabii yang tidak boleh diusik kedudukannya iaitu adat yang sebenar adat. Konsep yang digunakan bagi mengubah sifat adat ini adalah muafakat dan demokrasi yang mana setiap keputusan adalah berdasarkan proses kerapatan atau perhimpunan dan perbincangannya meliputi semua aspek kehidupan. Ini menunjukkan adat Perpatih tidak statik atau beku, bagaimanapun fleksibilitinya tidak sama, hanya bentuk adat yang sebenar adat yang susah berubah dan adat ini

diibaratkan:

tak lapuk dek panas,  
tak lekang dek hujan,  
paling-paling berkumut dek cendawan.

Tapi kategori lain boleh berubah mengikut kesepakatan ahli memandang pada masalah umum:

sekali air bah;  
sekali pasir berubah,  
sekali raja mangkat,  
sekali adat beralih,  
sekali tahun beredar,  
sekali musim bertukar.

Contoh-contoh bagi adat ini ialah upacara perlantikan dan perasmian Datok' Lembaga, upacara perkahwinan, pertunangan dan lain-lain.

Kehidupan masyarakat Perpatih di Negeri Sembilan amnya dan di Johor khususnya tergambar dalam bentuk-bentuk adat yang diuraikan di atas. Ada di antara adat yang tidak boleh berubah dan bersifat kekal seperti aturan yang ditetapkan oleh tabii dan ada juga adat yang boleh berubah sesuai mengikut keperluan semasa namun perubahan itu tidak akan berlaku kecuali dengan muafakat, kata perbilangan:

muafakat lalu di tempat gelap,  
adat lalu di tempat terang,  
hilang adat kerana muafakat.

Adat adalah sebagai satu peraturan masyarakat yang mesti difahami, dihormati, dipatuhi sekaligus

diamalkan. Tidak dilupakan dalam adat Perpatih terdapat nilai estetika melalui perbilangan yang diiktiraf sebagai perlombagaan yang tidak dikanunkan kerana melalui keindahan bahasanya yang digambarkan membayangkan tujuannya menyampaikan sesuatu mesej yang perlu dipatuhi.

#### 1.4 Penutup

Kehidupan masyarakat Perpatih Johol sama seperti masyarakat Perpatih lain di mana mereka mementingkan permuafakatan dalam setiap tindakan dan menitikberatkan semangat kerjasama yang erat antara ahli. Masyarakat Perpatih di Johol turut mengalami peringkat perubahan amalan dan perubahan paling ketara ialah dengan adanya pengaruh Islam ke dalam adat Perpatih. Kehidupan mereka digambarkan melalui bentuk-bentuk adat yang diamalkan dan menjadi panduan kepada mereka selama ini.

## BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahman bin Haji Mohammad. 1964. Dasar-Dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abdullah Siddik. 1975. Pengantar Undang-Undang Adat Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Amir M.S. 1985. Tonggak Tuo Budaya Minang. Jakarta: C V Karya Indah.
- Amran Kasimin. 1989. Istiadat Perkahwinan Melayu. Satu Kajian Perbandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad bin Idris. 1974. Kemurniaan Di Dalam Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih. Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 9-12 April.
- Azizah Kassim. 1969. Kependudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan. Tesis untuk Ijazah Sarjana Sastera Di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Azizah Ujang. 1984. Perbilangan Adat Perpatih, Penilaian Dari Segi Etik dan Estetika". Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ismail Hamid. 1988. Masyarakat Dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansur bin Haji Jamaluddin. 1974. Konsep Harta Dalam Sistem Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih. Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 9-12 April.
- M. Rasyid Manggis DT. Radjo Panghoelo. 1970. Negeri Sembilan, Hubungannya Dengan Minangkabau. Jakarta: al-Maktabah al-Sadiah.

Mokhtar Haji Md. Dom. 1977. Adat Perpatih Dan Adat-Istiadat Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur: Federal Publication.

Nadzan Haron. 1992. Sistem Perwarisan Tanah Dalam Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Nathan J.E. dan R.O. Winstedt. 1920. Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir, Ana Terachi. Papers on Malay Subject. Culcutta: The Baptist Mission Press.

Norazit Selat. 1982. Konsep Pusaka Di Dalam Adat Perpatih, satu catatan ringkas. Purba. Bil. 1

Nordin Selat. 1982. Sistem Sosial Adat Perpatih. cet.2. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.

Norhalim bin Haji Ibrahim. 1992. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 11-13 September.

\_\_\_\_\_. 1992. Adat-Istiadat Dalam Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 11-13 September.

\_\_\_\_\_. 1988. Kesesuaian Adat Perpatih Dan Cabaran Masa Kini. Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 17-18 September.

\_\_\_\_\_. 1984. Sistem Masyarakat Negeri Sembilan. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.

Othman Ishak. 1979. Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dan Undang-Undang Adat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shamsul Amri bin Baharuddin. 1992. Sistem Politik Dan Ekonomi Adat Perpatih. Kertas Kerja Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 11-13 September.

Talib bin Md. Seh. 1990. Adat-Istiadat Dalam Naning.  
Kertas Projek Serdang. Universiti Pertanian  
Malaysia, Serdang.

Teuku Iskandar, Dr.. (penys.). 1984. Kamus Dewan.  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainab Yahya. 1983. "Titik Menilik Di Kalangan  
Masyarakat Melayu: Satu Kajian Kes Di Tanjung  
Bidara, Pulau Tiga, Parit , Perak. Latihan  
Ilmiah. Tahun Kepujian Di Jabatan Persuratan  
Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

LUAK JOHOL

Undang : Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan

Bakal Undang : Datuk Baginda Tan Mas

Suku : Biduanda

<u>Suku</u>		<u>Jumlah Perut</u>	<u>Gelaran Lembaga</u>
(i)	1. Biduanda Gempa	3	Datuk Gempa
	2. Biduanda Menteri	3	Datuk Menteri
	3. Biduanda Mendatang	3	Datuk Raja Balang
	4. Biduanda Jenang	3	Datuk Jenang *(1)
(ii)	5. Semelenggang/Sri Melenggang.	4	Datuk Andika
(iii)	6. Tiga Batu	5	Datuk Baginda Raja *
(iv)	7. Mungkal	4	Datuk Raja Senara
(v)	8. Paya Kumbuh	1	Datuk Seri Maharaja
(vi)	9. Selemak/Sri Lemak Minangkabau	1	Datuk Paduka Besar
	10. Selemak Pahang	1	Datuk Sinda Maharaja

Nota

\* Orang Besar Balai

(1) Ketua Suku Biduanda

Sumber: Nathan, J.E & R.O. Winstead, "Johol, Inas, Ulu Muar, Gunung Pasir and Terachi", PMS, 1920, hlm. 16-27.

TEMUBUAL

Abd. Razak bin Wahab. 1992. Penduduk Kampung Nuri,  
Johol, Negeri Sembilan. Temubual 19 September.

Bador bin Samad. 1993. Penduduk Kampung Nuri, Johol,  
Negeri Sembilan. Temubual 2 Februari.

Borhan bin Ibrahim. 1992. Penduduk Kampung Tanggai,  
Johol, Negeri Sembilan. Temubual 12 September.

Che' Mat bin Hassan. 1992. Penduduk Kampung Bukit  
Istana, Johol, Negeri Sembilan. Temubual 12  
September.

Isa bin Haji Abd. Manaf. 1993. Penduduk Kampung Kuala  
Johol, Negeri Sembilan. Temubual 1 Februari.

Ibrahim bin Bador. 1992. Penghulu Johol. Pejabat  
Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Temubual 3  
Disember.

Layar bin Atong. 1992. Penduduk Kampung Inas, Johol,  
Negeri Sembilan. Temubual 4 Disember.

Mariam binti Borhan. 1992. Penduduk Kampung Lending,  
Johol, Negeri Sembilan. Temubual 12 September.

Mohd. Nor bin Yaacub. 1992. Ketua Kampung Air Mawang,  
Johol, Negeri Sembilan. Temubual 27 November.

Napsiah binti Md. Din. 1992. Penduduk Kampung Nuri,  
Johol, Negeri Sembilan. Temubual 30 November.

Osmán bin Meda. 1992. Penduduk Kampung Nuri, Johol,  
Negeri Sembilan. Temubual 30 November.

Yassin bin Piotot. 1992. Penduduk Kampung Simat,  
Johol, Negeri Sembilan. 19 September.